

ALKERAN TABLETS

Melphalan (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Alkeran Tablet
2. Bagaimana Alkeran Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Alkeran Tablet
4. Cara menggunakan Alkeran Tablet
5. Semasa menggunakan Alkeran Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Alkeran Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Alkeran Tablet

Alkeran Tablet digunakan untuk:

- Mieloma berbilang – sejenis kanker yang disebabkan oleh sel-sel di dalam sumsum tulang yang dinamakan sel-sel plasma. Sel plasma membantu melawan jangkitan dan penyakit dengan menghasilkan antibodi
- Kanser ovarи yang serius
- Kanser payu dара yang serius
- Polisitemia vera – sejenis penyakit di mana bilangan sel darah merah meningkat dalam darah. Ini menyebabkan darah pekat dan akibatnya darah beku. Ini membawa kepada sakit kepala, rasa pening dan sesak nafas.

Bagaimana Alkeran Tablet berfungsi

Alkeran Tablet mengandungi ubat yang dinamakan sebagai melphalan. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai sitotoksik (juga dikenali sebagai kemoterapi). Alkeran Tablet digunakan untuk merawat kanser. Ia bertindak dengan mengurangkan bilangan sel tidak normal yang dihasilkan oleh badan anda.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab Alkeran Tablet dipreskripsi kepada anda. Doktor anda mungkin mempreskripsi Alkeran Tablet untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Alkeran Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- Melphalan, bahan aktif ubat ini
- Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika bungkusan terbuka atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Alkeran Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Sebelum mengambil Alkeran Tablet, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda pernah menjalani radioterapi atau kemoterapi, sekarang atau baru-baru ini
- Anda mempunyai masalah buah pinggang

Terdapat laporan menunjukkan bahawa leukemia akut (sejenis kanker sel darah) berlaku selepas rawatan Alkeran. Doktor anda akan menimbang manfaat potensi Alkeran terhadap risiko leukemia akut.

Jangan mengambil Melphalan jika anda bercadang untuk melahirkan bayi, termasuk kedua-dua pihak lelaki dan wanita. Melphalan boleh menjekaskan sperma atau telur anda. Langkah berjaga-jaga kontraseptif yang boleh dipercayai perlu diambil untuk mengelakkan kehamilan, jika anda atau pasangan anda mengambil tablet ini. Tanya doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

Jika anda sudah hamil, ia adalah penting untuk berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil Melphalan kerana ia boleh menjekaskan bayi.

Jangan menyusukan anak semasa mengambil Melphalan. Tanya doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-

mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Alkeran Tablet.

- **Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Alkeran Tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuk:

- Ubat sitotoksik yang lain (kemoterapi)
- Nalidixic acid (sejenis antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan saluran kencing)
- Cyclosporin (digunakan untuk mencegah penolakan organ atau tisu selepas pemindahan)

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Alkeran Tablet atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Jika anda akan mendapatkan vaksin, beritahu doktor anda sebelum anda mendapatkannya. Ini adalah kerana sesetengah vaksin (seperti polio, campak, beguk dan rubela) boleh memberi anda jangkitan jika anda mendapat vaksin ini semasa anda mengambil Alkeran Tablet.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil sebarang ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak

maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Alkeran Tablet.

Cara menggunakan Alkeran Tablet

Patuhilah semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- **Berapa banyak harus digunakan**

Alkeran Tablet hanya boleh diberikan kepada anda oleh doktor pakar yang berpengalaman dalam merawat kanser.

Sentiasa ambil Alkeran Tablet seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Dos Alkeran Tablet bergantung kepada masalah darah atau kanser. Doktor anda mungkin juga menukar dos anda semasa rawatan anda, bergantung kepada keperluan anda.

Mieloma berbilang

Dos biasa ialah 0.15mg bagi setiap kilogram berat badan anda diambil setiap hari untuk 4 hari. Ini diulang setiap 6 minggu.

Kanser ovarи yang serius

Dos biasa ialah 0.2mg bagi setiap kilogram berat badan anda diambil setiap hari untuk 5 hari. Ini diulang setiap 4 hingga 8 minggu.

Kanser payu dara yang serius

Dos biasa ialah 0.15mg bagi setiap kilogram berat badan

anda diambil setiap hari untuk 5 hari. Ini diulang setiap 6 minggu.

Polisitemia vera

Pada mulanya, ambil 6 hingga 10mg setiap hari untuk 5 hingga 7 hari. Kemudian dos dikurangkan kepada 2 hingga 4mg setiap hari.

Kadang-kadang dos akan ditukar jika anda adalah orang tua atau mempunyai masalah buah pinggang.

Semasa anda mengambil Alkeran Tablet, anda akan kerap menjalani ujian darah. Ini adalah untuk memeriksa bilangan sel dalam darah anda.

- **Bila perlu digunakan**

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil setiap dos Alkeran Tablet pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

- **Berapa lama perlu digunakan**

Ambil Alkeran Tablet secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Memanjangkan jangka masa rawatan lebih daripada satu tahun tidak akan meningkatkan pemulihan.

- **Jika terlupa menggunakan**

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali

mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Alkeran Tablet, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom dos berlebihan termasuk rasa loya, muntah-muntah dan cirit-birit. Dalam kes yang lebih teruk , ia boleh membawa kepada penurunan dalam penghasilan sel-sel darah.

Semasa menggunakan Alkeran Tablet

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Alkeran Tablet.

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau menyusukan anak.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda

sedang mengambil Alkeran Tablet.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil Alkeran Tablet untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Alkeran Tablet mempengaruhi anda.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang keimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Sesetengah kesan sampingan sangat biasa dan biasa termasuk:

- Rasa loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit
- Rambut gugur (mengambil dos Alkeran Tablet yang tinggi)

- Pengurangan bilangan sel darah dan platelet
- Ulser mulut
- Tahap bahan kimia yang dikenali sebagai urea tinggi dalam darah anda

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapat apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Alkeran Tablet

- *Penyimpanan*

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu antara 2°C hingga 8°C.

Jangan simpan Alkeran Tablet atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Alkeran Tablet atau ubat ini sudah melepass tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa

yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Nombor siri
BPK(R4/1)200416/00115

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Alkeran Tablet bersalut filem berwarna putih hingga putih keputihan, berbentuk bulat, dwicembung, satu permukaan bertanda "A" dan permukaan yang satu lagi bertanda "GX EH3".

- *Bahan-bahan kandungan*

Bahan aktif:

- Melphalan

Bahan tidak aktif:

- Microcrystalline cellulose
- Anhydrous colloidal silica
- Magnesium stearate
- Opadry white
- Crospovidone
- Air

- *Nombor MAL*

MAL07101257ACZ

Pengilang

Excella GmbH, Nurnberger Strasse 12, D- 90537 Feucht, Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

Aspen Medical Products Malaysia Sdn Bhd (1004761-W)
Unit 1302A, Level 13A,
Uptown 1, 1 Jalan SS21/58,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
10/05/2016